

# PAK21 selari dasar Johor Berkemajuan

**JOHOR BAHRU** - Kerajaan negeri buat julung kali ini menganjurkan Majlis Konvensyen Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) bagi memartabatkan sistem pendidikan di negara ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, konvensyen berkenaan selari dengan dasar Johor Berkemajuan yang ingin melahirkan modal insan dan rakyat yang mempunyai jati diri teguh serta sentiasa berpandangan ke hadapan.

"Saya difahamkan konvensyen pada hari ini akan mengetengahkan perbincangan serta modul ke arah status PAK21 di Johor.

"Saya yakin, hasil daripada usaha ini, Johor dapat dijadikan sebagai perintis juga rujukan dari segi amalan terbaik sekolah-sekolah ri-

tis PAK21 ini," katanya pada Majlis Perasmian PAK21 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, semalam.

Teks Ucapan beliau dibacakan oleh wakil rasminya iaitu Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri, Datuk Ayub Rahmat.

Mohamed Khaled berkata, usaha tersebut dilihat dapat dijadikan sebagai asas dalam memperkasa medium pendidikan untuk generasi muda pada hari ini.

Katanya, semua pihak dalam bidang itu juga maklum pembelajaran yang harus didepani anak-anak pada masa kini adalah sistem pembelajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (K-BAT).

"Bagi memastikan hasrat ini berjaya, warga pendidik



Ayub (berdiri, tengah) mewakili Menteri Besar merasmikan Konvensyen PAK-21 di UTHM.

perlu mengambil inisiatif menyiapkan diri dengan pelbagai persediaan pembelajaran.

"Ini kerana ia memerlukan warga pendidik yang lebih kreatif serta inovatif dalam melaksanakan sesi pem-

belajaran di dalam bilik darjah," katanya.

Beliau berkata, perkongsian idea serta kepakaran warga pendidik dalam pelbagai bidang mata pelajaran adalah amat penting.

"Antara cabaran yang perlu dihadapi oleh warga pendidik adalah untuk menyediakan pendekatan pembelajaran serta pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan.

"Oleh itu, konvensyen ini merupakan wadah terbaik untuk mempromosi usaha transformasi pendidikan di Johor, sekali gus menyiap siaga murid-murid menempuh cabaran PAK21," katanya.